



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 33/2012 (12 hingga 18 Ogos 2012)

Pada minggu ke-33 tahun 2012 iaitu bagi tempoh 12 hingga 18 Ogos, sejumlah 332 kes demam Denggi telah dilaporkan berbanding 379 kes pada minggu sebelumnya dengan sebuah negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Sarawak meningkat sebanyak 18 kes (86%) (Lampiran A). Jumlah terkumpul kes Denggi dari Januari sehingga 18 Ogos 2012 adalah 14,244 kes, meningkat sebanyak 10% atau 1,288 kes berbanding 12,956 kes bagi tempoh yang sama tahun lepas manakala jumlah kematian adalah sebanyak 26 kematian, meningkat lima (5) kematian (24%) berbanding 21 kematian pada tahun 2011.

Hasil pemantauan KKM mendapati, sejumlah 49 lokaliti berwabak daripada 17 daerah telah dilaporkan pada minggu ke 33 berbanding 14 daerah pada minggu sebelumnya dan tiada lokaliti *hot spots* dilaporkan. Sejumlah 75,796 premis telah diperiksa di seluruh negara dengan 828 premis didapati mempunyai pembiakan Aedes. Kadar pembiakan Aedes didapati meningkat di enam (6) buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Selangor, Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur & Putrajaya dan Kelantan. Kadar pembiakan Aedes yang tinggi disebabkan terdapatnya kawasan-kawasan kotor dengan banyak bekas atau takungan yang mempunyai pembiakan Aedes.

Oleh itu masyarakat diseru supaya terus menjaga kebersihan persekitaran kediaman kerana peningkatan kes dan kejadian wabak dipengaruhi oleh peningkatan kadar pembiakan Aedes. Dengan hanya 10 minit diluahkan setiap minggu untuk memeriksa kawasan kediaman akan membantu menghapuskan tempat pembiakan Aedes dan menyelamatkan keluarga dan masyarakat dari ancaman jangkitan demam Denggi.

Dengan bermulanya sesi persekolahan pada minggu hadapan, pihak sekolah dinasihatkan supaya melakukan pemeriksaan pembiakan Aedes, terutamanya di tempat-tempat seperti kolam hiasan, pasu bunga dan lanskap yang boleh menakung air. Bagi langkah pencegahan, semua kolam atau takungan yang besar dan kekal perlu dimasukkan racun pembunuh jentik-jentik. Pihak Pejabat Kesihatan Daerah juga diminta supaya menjalankan pemeriksaan pembiakan Aedes dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan di setiap sekolah sebelum sesi persekolahan bermula. Ini penting bagi memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes di kawasan tersebut. Ingatlah **“TIADA PEMBIAKAN, TIADA AEDES dan TIADA DENGGI”**.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

20 Ogos 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 33/2012
(12 hingga 18 Ogos 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 33/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 33/2011
		Minggu 33 (12 - 18 Ogos 2012)	Minggu 32 (5 - 11 Ogos 2012)		
1	Perlis	2	2	128	62
2	Kedah	24	26	563 (3)	314
3	P. Pinang	12	12	545 (1)	1,224 (2)
4	Perak	24	40	1,027 (4)	822 (2)
5	Selangor	114	120	6,292 (11)	4,961 (5)
6	WPKL & Putrajaya	21	24	1,298 (3)	1,202 (1)
7	N. Sembilan	13	14	307 (1)	501 (1)
8	Melaka	3	4	345	270
9	Johor	27	42	1,070 (1)	1,106 (5)
10	Pahang	8	11	429 (1)	620 (1)
11	Terengganu	12	23	519	450 (1)
12	Kelantan	22	24	757	466 (1)
13	Sarawak	39	21	640	657
14	Sabah	11	16	316 (1)	292 (2)
15	WP Labuan	0	0	8	9
	MALAYSIA	332	379	14,244 (26)	12,956 (21)

Nota: () Kematian